

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT  
NAWI (TUMPAT)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [ TUMPAT ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan cadangan hukuman yang lebih berat kepada dalang di sebalik sindiket penjualan MyKad.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius kes penjualan kad pengenalan MyKad kepada warga asing yang berlaku di Pulau Pinang baru-baru ini dan tidak akan melindungi mana-mana pegawai kerajaan yang terlibat dalam kes berkenaan. Kuasa penuh telah diberikan kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk menyiasat secara menyeluruh agar pihak yang didapati bersalah dapat didakwa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, individu yang tersabit menyalahi undang-undang berkaitan pengeluaran kad pengenalan boleh didakwa di bawah Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 yang mana jika disabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau denda tidak melebihi RM 20,000 atau kedua-duanya sekali. Selain daripada itu, individu tersebut juga boleh disabitkan kesalahan di bawah Akta atau undang-undang lain yang berkuatkuasa bergantung kepada siasatan yang dijalankan oleh pihak PDRM, penilaian kes oleh pihak pendakwaraya dan keputusan pihak mahkamah di mana boleh dikenakan hukuman yang lebih berat / mandatori.

Berhubung dengan cadangan berkaitan hukuman seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, perkara tersebut adalah di bawah bidang kuasa pihak Mahkamah. Kertas Siasatan disediakan oleh pihak PDRM seterusnya diangkat kepada pihak mahkamah untuk tujuan pendakwaan dan keputusan. Setelah itu, jika disabitkan kesalahan, pihak berkenaan akan dikenakan hukuman setimpal di bawah Akta / Peraturan yang berkaitan.